

# BERKELILING DUNIA DENGAN KATA: IKTIBAR DARIPADA KAMUS BAHASA MELAYU ABAD KE-17

*(Around the World with Words: Lessons from 17th Century Malay Dictionary)*

Nor Azizah Othman  
nuralunnur@gmail.com

Institut Filologi Asia Timur (pengajian Asia Tenggara),  
Universiti Frankfurt, 60323 Frankfurt, Jerman.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Nor Azizah Othman. (2023). Berkeliling dunia dengan kata: Iktibar daripada kamus bahasa Melayu abad ke-17. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 105–124. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jm.16(1)no5)

Peroleh: <i>Received:</i>	12/5/2022	Semakan: <i>Revised</i>	3/10/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	24/11/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/1/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	------------	--	----------

## Abstrak

Perhatian orang Inggeris pada abad ke-17 terhadap perkembangan bahasa Melayu dapat dijangkakan sebagai sebahagian daripada bukti persaingan sengit yang wujud antara Inggeris dan pesaingnya Belanda (VOC). Persaingan sengit tersebut tidak hanya terbatas dalam hal memonopoli perdagangan tetapi juga dalam perebutan kawasan, pengaruh dukungan daripada pemerintah tempatan serta kelebihan ketika berdagang. Kesemua faktor persekitaran ini mencorakkan hasil penglibatan orang Inggeris dalam penghasilan naskhah dalam bahasa Melayu seperti kamus, catatan kembara, risalah agama dan manuskrip yang memerikan batang tubuh bangsa, bahasa dan negara yang dilawati ketika itu. Thomas Bowrey, misalnya, merupakan seorang pedagang British yang belayar di Kepulauan Melayu pada abad ke-17 yang terkenal dengan kamus Inggeris-Melayu pertama yang terbit pada tahun 1701. Bowrey juga telah menghasilkan karya lain tentang bahasa Melayu yang menyimpan banyak maklumat seputar kebijakan tamadun bangsa Melayu pada abad ke-17 serta peranan, perhatian dan minat orang Inggeris dalam usaha mencorakkan perkembangan yang berlaku ketika itu. Makalah ini akan membincangkan bukti kemajuan dan kebijakan tamadun Melayu yang terdapat dalam manuskrip Thomas Bowrey yang disusun pada abad ke-17. Perbincangan akan menyentuh istilah daripada kosa kata pelayaran dalam manuskrip tersebut. Maklumat bahasa ini dibincangkan berdasarkan pendekatan

etimologi (Collins, 2003 & 2018). Makalah ini menyimpulkan maklumat dalam manuskrip Bowrey menunjukkan perhatian dan rasa ingin tahu Inggeris terhadap bahasa Melayu bukan hanya muncul akibat desakan pengaruh dan kuasa dalam perdagangan oleh pihak EIC semata-mata, tetapi juga oleh suasana keilmuan dan keserjanaan bahasa dan bangsa Melayu pada abad ke-17.

Kata kunci: Manuskrip Thomas Bowrey, manuskrip abad ke-17, kosa kata pelayaran, perbandingan sinkronis, kaedah etimologi, kamus Bowrey

### ***Abstract***

*The attention of the English in the 17th century towards the development of the Malay language can be presumed as a part of fierce competition between them and their rival, the Dutch (VOC). This stiff competition was not only limited to the monopoly of trade, but also territorial disputes, support from local governments as well as trading advantages. All these environmental factors influenced the English involvement in the production of texts in the Malay language, such as dictionaries, travelogues, religious books and other manuscripts that describe the race, language and land at the time. Thomas Bowrey (TB), for example, was a British merchant who sailed in the Malay Archipelago in the 17th century and became renowned for publishing the first English-Malay dictionary in 1701. Bowrey also produced other works on the Malay language, compiling enormous information about Malay civilization and policy in the 17th century as well as the role, attention and interest of the English in the effort to illustrate the development of the time. This paper discusses proof of the evolution and policy of the Malay civilization in Bowrey's manuscript. The discussion focuses on navigation jargon in the manuscript. The data are discussed based on etymology approach (Collins, 2003 & 2018). This paper concludes that the data in Bowrey's manuscript show the attention and curiosity of the English towards the Malay language that did not only emerge because of the attestation by the EIC, but also because of the scientific environment and scholarship of the Malay language and people in the 17th century.*

*Keywords: Thomas Bowrey manuscript, 17th century manuscript, navigation jargon, synchronic comparison, etymology approach, Bowrey dictionary*

## **PENDAHULUAN**

Ketika dalam perjalanan pulang ke London pada 1688, Thomas Bowrey memutuskan untuk menyusun dengan rapi, kemas dan jelas semua kata-kata daripada satu bahasa yang diketahuinya sepanjang 19 tahun belayar di Kepulauan Melayu. Bowrey mempelajari, menguasai dan menggunakan bahasa tersebut ketika dalam urusan

perdagangan di sepanjang pesisir pantai utama rantau alam Melayu ketika itu. Bowrey juga menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan komunikasi dengan penutur dari kawasan pedalaman, yang nyata jauh dari pesisir. Bahasa tersebut disebut Bowrey sebagai *basa dagang* yang menjadi bahasa perantara utama para pedagang di rantau ini pada ketika itu.

Thomas Bowrey dengan upaya terbaiknya mengambil keputusan menyusun sebuah kamus dwibahasa pertama bagi bahasa Melayu-bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris-bahasa Melayu yang kemudiannya diterbitkan di London pada 1701. Kamus ini memuatkan tidak hanya kata dasar tetapi juga frasa, klausa, ayat, malah contoh perbualan yang boleh digunakan oleh orang Inggeris selepasnya yang datang ke Kepulauan Melayu. Kamus ini disusun dengan satu tujuan utama yang jelas dicatatkan oleh Bowrey pada bahagian prakata kamusnya, iaitu sebagai panduan kepada orang Inggeris yang akan datang ke kepulauan ini kemudiannya. Tanpa disedari Bowrey, secara tidak langsung, kamus ini turut mengandungi pelbagai aspek didaktik. Kamus ini memberikan maklumat serta gambaran kepada penutur bahasa Melayu moden khususnya, akan bentuk bahasa Melayu pada ketika itu, serta suasana sosial dan budaya masyarakat Melayu. Maklumat penting berkenaan dengan perihal ekonomi dan perdagangan yang berlangsung di kepulauan utama dalam rantau ini dicatatkan dengan jelas dalam kamus tersebut. Kamus Melayu-Inggeris, Inggeris-Melayu pertama ini merupakan sumbangan terbesar Bowrey. Namun begitu, satu hal yang utama yang perlu diambil pengajaran dan perhatian ialah sumbangan dan karya lain yang dihasilkan oleh Bowrey. Bowrey mempunyai beberapa manuskrip, jurnal, peta, buku log perjalanan dan surat-surat yang menjadi bukti dan saksi atas pengetahuan serta pengalaman yang dimilikinya. Antara karya Bowrey yang juga mengandungi banyak maklumat serta pengetahuan tentang sosiobudaya serta ekonomi masyarakat Melayu pada waktu itu, selain kamusnya, ialah tulisannya bertajuk “*A Geographical Account of the Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679*” yang disunting oleh Richard Carnac Temple dan diterbitkan pada 1903 di Cambridge dan juga *Correspondance and papers of Captain Thomas Bowrey*.

Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan aspek sosiobudaya yang dicatatkan Bowrey dalam kedua-dua manuskrip ini. Perbincangan ini juga akan mengambil kira catatan yang terkandung dalam karya Bowrey yang lain seperti kamus dan catatan pinggiran yang terdapat pada nota awal Bowrey yang disimpan di beberapa arkib dan perpustakaan di Britian.

## **SOROTAN KAJIAN**

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan kamus Thomas, Anna Winterbottom (2016). Winterbottom (2016) menyentuh tentang Bowrey dalam satu bab dalam

bukunya berjudul *Hybrid Knowledge in the Early India Company World* (2016). Dalam bab *Linguistics Landscape: Early English Studies of Malay and the EIC Maritime Southeast Asia*”, Winterbottom menyentuh tentang peranan East India Company (EIC) yang menggalakkan pekerjaanya terlibat dalam penghasilan karya dalam bahasa-bahasa di Timur termasuklah bahasa Melayu. Winterbottom dalam bab ini membincangkan dengan mendalam tentang interaksi yang berlaku antara pengembara Eropah dengan penutur bahasa Melayu. Turut dibincangkan cara linguistik bahasa Inggeris berfungsi untuk menyampaikan bahasa Melayu kepada orang Inggeris yang datang ke rantau ini. Bagi menjelaskan persoalan ini, Winterbottom menjadikan kamus susunan Thomas Bowrey (1701) sebagai sumber data utama yang mewakili bahasa Melayu pada abad ke-17.

Winterbottom menyentuh tentang asas penyusunan kamus Bowrey ini yang menurutnya bertitik tolak daripada dasar EIC yang mendorong para pekerja untuk menghasilkan karya dalam bahasa asing. Winterbottom menyentuh pelbagai aspek yang melingkari situasi perdagangan Inggeris dan EIC dalam abad kemuncak kegemilangan rantau Asia Tenggara seperti aspek ekonomi, politik, keilmuan dan sosial yang kemudiannya telah membawa EIC dan bangsa Inggeris ke arah menghasilkan sumbangan yang pelbagai kepada negara di rantau Asia Tenggara,



**Rajah 1** Kulit hadapan Kamus Bowrey.

khususnya di negara-negara dalam Kepulauan Melayu. Analisis dan perbincangan yang dihidangkan Winterbottom secara keseluruhannya menyentuh aspek eksternal yang mencorakkan perkembangan bahasa Melayu pada abad ke-17. Tidak dinafikan bahawa Winterbottom turut menyentuh secara ringkas aspek internal bahasa Melayu dalam kamus Bowrey. Walau bagaimanapun data dan perbincangan yang diberikan adalah dengan tujuan untuk memperlihatkan gambaran budaya dan kehidupan pedagang Inggeris khususnya di rantau Asia Tenggara pada abad ke-16 dan ke-17. Meskipun begitu, kajian Winterbottom ini tetap penting sebagai sumber rujukan dan maklumat kepada penelitian pengkaji. Perbincangan aspek eksternal yang dihidangkan Winterbottom dapat dijadikan panduan kepada pengkaji dalam usaha menyatukan kedua-dua aspek, iaitu internal dan eksternal, yang terkandung dalam kamus Bowrey bagi memberikan gambaran akan bentuk bahasa Melayu abad ke-17. Sekalipun Winterbottom menyentuh aspek kredibiliti kamus ini, penulis berpendapat bahawa aspek kepraktikalan kamus Bowrey yang merangkumi inti pati kandungan



**Rajah 2** Maklumat pada tulang belakang kulit Kamus Bowrey.

kamus sewajarnya diberikan lebih penekanan dan perhatian bagi membolehkan aspek kebahasaan dapat diteliti dengan baik. Selain Winterbottom (2016), kajian tentang kamus Bowrey juga pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji lain misalnya Mashudi (2009), Nazilah dan Nor Hashimah (2017), Nor Azizah (2019) dan Rahim (1997 & 1998).

Perbincangan tentang istilah pelayaran dalam kamus Bowrey oleh Nazilah dan Nor Hashimah (2017) yang antara lain menyentuh tentang istilah sains dalam kamus Bowrey daripada domain geografi, perdagangan, matematik, agama dan astronomi. Dalam makalah ini, Nazilah dan Nor Hashimah menyenaraikan penggunaan istilah bintang yang disenaraikan Bowrey di dalam kamusnya. Kata bintang disenaraikan dalam pelbagai istilah yang merujuk bidang astronomi misalnya *bintang beraleh*, *bintang kartika* dan *bintang zahar*. Istilah astronomi yang disenaraikan ini, menurut Nazilah dan Nor Hashimah, menunjukkan bahawa Bowrey memahami istilah yang digunakan oleh masyarakat Melayu. Makalah ini, walau bagaimanapun, tidak menyentuh aspek lain yang berkaitan dengan pelayaran seperti kelengkapan pelayaran dan sebagainya.

Mashudi (2009) pula membincangkan tentang aspek internal yang terdapat dalam kamus Bowrey, iaitu aspek tatabahasa, morfologi dan sosiolinguistik. Antara yang disentuh dalam perbincangan makalah ini termasuklah aspek kata pinjaman yang terdapat dalam kamus Bowrey. Mashudi menjelaskan bahawa Bowrey menyenaraikan sejumlah kata pinjaman daripada bahasa Tamil, Arab dan Sanskrit meskipun tidak seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu moden kini. Antara yang dinyatakan oleh Mashudi dalam makalahnya termasuklah kata *cāpal* yang berasal daripada bahasa Tamil. Istilah lain yang berkaitan dengan pelayaran, walau bagaimanapun, tidak dibincangkan dengan lanjut dalam makalah ini.

Nor Azizah (2019) membincangkan aspek internal dalam kamus Bowrey seperti aspek fonologi, morfologi dan maklumat etimologi yang terdapat dalam entri A kamus Bowrey. Data daripada entri A ini dibandingkan dengan beberapa sumber lain bagi memastikan kesahan maklumat yang dirakamkan oleh Bowrey. Penulis menumpukan pada perbincangan aspek maklumat etimologi yang disentuh oleh Nor Azizah dalam makalah ini. Aspek etimologi yang disentuh dalam makalah ini berkaitan dengan kata pinjaman daripada bahasa Arab yang terdapat dalam entri A. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak membincangkan istilah berkaitan dengan pelayaran.

Begitu juga dengan penelitian terhadap kamus Bowrey oleh Rahim (1997 & 1998) yang memberikan tumpuan pada tiga entri awal dalam kamus Bowrey, iaitu AB-AY, BA-BY dan CA-CY. Dalam dua makalah Rahim ini, beliau membincangkan perubahan makna, aspek kosa kata arkaik dan aspek morfologi yang terdapat dalam

tiga entri yang tersebut. Dari aspek semantik, Rahim menjelaskan bahawa terdapat kata yang mengalami penyempitan, peluasan dan penggantian makna. Antara kata yang dibincangkan oleh Rahim yang dikesan mengalami perubahan termasuklah kata *chinta*, *addy* dan *berinda*. Seperti juga makalah yang ditulis oleh Nor Azizah, dalam makalah Rahim ini tidak dibincangkan istilah pelayaran.

Kesemua kajian yang disentuh di atas menjadikan kamus Bowrey sebagai subjek utama. Perbandingan data yang dipaparkan di dalam kamus, walau bagaimanapun, tidak dibandingkan dengan nota dan catatan yang terdapat pada manuskrip projek bahasa yang disusun Bowrey. Perbezaan dari segi kaedah perbandingan data ini yang cuba diisi dan dilakukan oleh penulis. Walaupun terdapat persamaan pada setiap kajian ini, penulis berharap, perbezaan yang diketengahkan pada setiap kajian menambahkan lagi kepustakaan kajian tentang karya Bowrey. Oleh yang demikian, dalam makalah ini, penulis akan membincangkan tentang istilah pelayaran yang dicatatkan Bowrey dalam kamusnya dan membandingkan maklumat bagi istilah yang tersebut dengan catatan yang ditulis Bowrey dalam manuskrip projek bahasa beliau. Penulis membahagikan perbincangan ini kepada dua kategori kata, iaitu kategori kata berkaitan kelengkapan dan peralatan pelayaran, dan nama jawatan serta tugas berkaitan dengan pelayaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Perbincangan dalam makalah ini berlandaskan dua manuskrip utama Bowrey, iaitu Mss Eur D782 dan Mss Eur A33. Data dalam perbincangan makalah ini diambil daripada kedua-dua manuskrip yang dipilih, serta kamus Bowrey yang diterbitkan pada 1701 di London. Kedua-dua manuskrip ini kini tersimpan di British Library, London. Data utama diambil daripada manuskrip Mss Eur A33, iaitu himpunan nota dan catatan Bowrey tentang bahasa-bahasa yang ditemukan dan dipelajarinya ketika berkelana di rantau ini. Manuskrip Mss Eur A33 dengan judul *Correspondance and Papaers of Captain Bowrey* ini kemudiannya disunting dan dikemaskan, dan kemudian diterbitkan pada 1701 sebagai kamus Melayu-Inggeris pertama. Manuskrip kedua, iaitu Mss Eur D782 bertajuk *Thomas Bowrey Papers (c. 1669–1679)* menghimpunkan catatan perjalanan Bowrey di pulau-pulau yang pernah dilaluinya. Manuskrip ini kemudiannya disusun oleh Richard Carnac Temple yang terbit pada tahun 1903 di Cambridge. Manuskrip ini juga tersimpan di British Library, London. Beberapa nama tempat disebutkan Bowrey dalam manuskrip tersebut misalnya Choromandel, Golcondah, Bengala, Pattana, Janselone, Queda dan Achin. Namun begitu, bagi perbincangan dalam makalah ini, penulis memberikan tumpuan kepada dua negeri yang mewakili alam Melayu seperti disebutkan Bowrey dalam



**Rajah 3** Koleksi projek bahasa Bowrey.

(Sumber: Mss Eur D782 *Thomas Bowrey Papers* (c. 1669-1679), British Library: London).

manuskrip tersebut, iaitu Achin dan Queda. Dua tempat ini dipilih kerana kedua-duanya merupakan kawasan pertuturan bahasa Melayu.

Perbincangan akan meneliti kosa kata pelayaran yang dicatatkan pada huraian mengenai Achin dan Queda (Aceh dan Kedah). Kosa kata tersebut kemudiannya dibandingkan dengan kata yang terdapat dalam kamusnya dan juga daripada nota asal kepada kamus tersebut. Perbandingan ini bagi memastikan makna dan huraian yang diberikan dalam manuskrip tersebut tidak disalah erti oleh penulis dan pembaca, atau dengan kata lainnya, penulis serta pembaca dapat berlaku adil pada karya dan isi kandungan yang terdapat dalam kedua-dua naskhah.


Data yang dikenal pasti dan dipilih daripada kedua-dua manuskrip ini dibincangkan berdasarkan kaedah etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003 & 2018). Menurut Collins (2018), tiga persoalan utama untuk menangani perihal etimologi, iaitu pertama dapat dilihat pada bentuk dan makna. Kedua dari segi sejarah,



iaitu penjelasan perkembangan kata yang berkenaan. Ketiga perihal etimologi yang melingkungi asal usul semua kata dalam sesebuah bahasa sama ada kata tersebut kata asli ataupun kata pinjaman. Collins (2018:11) juga menjelaskan prasyarat utama untuk membincangkan perihal etimologi ialah data yang ingin diteliti yakni terbahagi kepada dua golongan, iaitu data yang diperoleh daripada terbitan atau naskhah yang memuatkan data yang ingin diteliti dan tulisan lain yang menampilkan kesepadanan bunyi atau kajian etimologi yang berkaitan. Kaedah etimologi ini menurut Collins sama dengan kaedah linguistik sejarah. Untuk itu, Collins menyenaraikan enam pedoman dalam penelitian etimologi.

Walau bagaimanapun, dalam perbincangan ini, hanya tiga pedoman gagasan Collins digunakan, iaitu pedoman 2, pedoman 4 dan pedoman 6. Pedoman 2 yang digagaskan Collins merujuk pertimbangan sejarah dan geografi hasil daripada pertembungan sejarah. Ketika Bowrey tiba di Kepulauan Melayu, pedagang dari negara Eropah dan Asia yang lain sudah pun bertapak di rantau ini, misalnya pedagang dari Arab, Portugis, Belanda dan China. Pertembungan ketika berdagang tidak hanya meninggalkan kesan terhadap ekonomi pihak tersebut tetapi juga bahasa dan budaya mereka. Pedoman keempat pula mengenai penekanan pada kata lisan, iaitu dari segi sebutan kerana sebutan dapat menjelaskan percanggahan teks di samping dapat menyoroti etimologi yang betul (Collins, 2018: 22). Pedoman keenam pula berkenaan dengan penjelasan setiap unsur kata yang dapat mengelak daripada berlakunya salah faham dan tafsiran yang tidak tepat terutamanya pada bentuk dan makna.

Bagi mengabsahkan makna untuk kata yang dipilih, penulis turut membuat perbandingan dengan beberapa pangkalan data korpus dalam talian, iaitu *Malay Concordance Project*, *SEALang Project* dan *Austronesian Comparative Dictionary*. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) turut digunakan untuk mewakili data bagi bahasa Melayu moden yang digunakan sekarang ini. Kosa kata yang dipilih untuk perbincangan dalam makalah ini adalah daripada ranah pelayaran. Beberapa istilah berkaitan dengan pelayaran seperti nama peralatan yang digunakan ketika pelayaran dan nama jawatan serta tugas dalam pelayaran akan dibincangkan dari segi makna dan penggunaannya pada ketika itu dan pada zaman sekarang. Kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks digunakan dalam perbincangan ini bagi mendapatkan gambaran dan maklumat serta menghubungkaitkannya dengan suasana bahasa dan bangsa Melayu pada abad ke-16 menerusi kata yang terpilih. Kaedah yang digunakan dalam makalah ini dapat diringkaskan seperti dalam Rajah 4.



**Rajah 4** Kaedah perbandingan kosa kata pelayaran dalam karya Bowrey.

## MENGENALI BOWREY DAN MANUSKRIPNYA

Selain kamusnya yang penting itu, naskhah yang disusun oleh Temple ini juga memainkan peranan yang sama pentingnya. Apabila umum ingin membaca kamus Bowrey, maka bersama-sama dengannya harus disemak silang naskhah ini agar pembacaan, pemahaman dan pengajaran yang diperoleh tidak canggung apalagi tersasar. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kebarangkalian tercatat nota-nota pinggir pada naskhah yang berkemungkinan mengandungi maklumat penting, maka satu tinjauan telah dibuat ke British Library bagi meneliti dan membaca manuskrip ini dengan lebih dekat. Perbincangan terhadap kandungan manuskrip ini tidak sempurna sekiranya sosok penyusunnya tidak dikenali.

Thomas Bowrey bermula sebagai pedagang persendirian yang mula belayar ke Timur ketika berusia 19 tahun. Pengalaman yang dimiliki sepanjang berdagang dan merantau secara bebas selama beberapa ketika akhirnya Bowrey ditawarkan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) untuk menjadi salah seorang kapten kapal milik SHTI. Sepanjang pelayaran tersebut, Bowrey bertemu dengan pelbagai lapisan masyarakat penutur bahasa Melayu daripada golongan istana, bangsawan, bijak pandai, pekerja malah golongan *murbawan* yang akhirnya membolehkan Bowrey mampu menguasai dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu. Tidak hanya dengan itu, malah Bowrey turut berupaya memahami budaya setempat dan ini dapat dilihat pada catatannya dalam manuskrip tentang negeri-negeri di Timur yang pernah dilawatnya. Kesemua gambaran dan penjelasan tentang suasana sosiobudaya masyarakat Timur yang dicatatkan oleh Bowrey dalam manuskrip ini tidak berkesempatan diterbitkannya. Hasrat tersebut, seperti yang telah disebutkan di atas, kemudiannya disunting oleh Richard Carnac Temple dan sebahagian maklumat daripada manuskrip tersebut selepas itu ditambah baik oleh Donald Ferguson dalam kertas semakan berjudul *Captain Thomas Bowrey 1907*.

*Nēgree Quedah adda de ooloo sunḡey ēang bāick jaoo jēka moodick dunḡan praw dua arree, sēdang ōran dālam nea, adda Raja pada nea, de toombo derree sētoo tīop tīop taḡon bārang fa rēboo Pēcool lada ēang terbāick, lāgee bārang lēma rēboo Pēcool tēma pootee, de sēnee adda lāgee, Rōtan, Damar, bārang sēdēkit Mas, daen sēdēkit Gading, Ōran daen bāsa nea Mālāyo bētool.* (Bowrey, 1701: Tootoorawn ēang ca fa pooloo).

Oleh yang demikian, bertitik tolak daripada status Bowrey sebagai pedagang persendirian yang kemudian dilantik sebagai kapten di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris serta catatannya tentang Queda dan Achin, maka penulis memutuskan untuk meneliti kosa kata daripada ranah pelayaran yang tercatat dalam kedua-dua sumber yang diusahakannya. Kosa kata daripada ranah pelayaran ini dipilih sesuai dengan tabii tujuan Bowrey berkelana ke negeri ini, serta bagi memperlihatkan secara ringkas sejarah sosial disebalik setiap kata yang tersebut.

### **QUEDA DAN ACHIN DARI KACA MATA THOMAS BOWREY.**

Queda atau Kedah seperti digambarkan Bowrey dalam manuskripnya sebagai sebuah negeri yang makmur dan subur serta mempunyai bentuk muka bumi yang memberikan banyak kelebihan buat Kedah sebagai sebuah kerajaan perdagangan, pertukangan besi dan pertanian. Bowrey menyebutnya dalam manuskripnya.

*A Kingdome (soe called) Upon the Malay Coast, the Chiefe Roade and River called of the Same from the Chiefe towne or Citty thereof...It is the largest and most Navigable River in this Kingdome, very large and deep within and upon it's barre affordeth water Enough for a Shipp of 250 tunns in burthen (Upon a Springe tide) and Navigable att any time up to the towne of Queda.... (Bowrey, 1903:259).*

Kedaaan sungai di Kedah yang besar dengan kedalaman yang baik bagi sebuah kapal dagang besar melaluinya menyebabkan Kedah dipilih oleh pedagang yang datang dari Surat, Benggala dan beberapa kawasan di India untuk mengurus niaga di sini. Walaupun jumlah kapal yang datang berdagang di Kedah tidak sebanyak yang melalui kawasan lain di Semenanjung serta negeri-negeri di rantau alam Melayu yang lain, tetapi peranan yang dimainkan oleh pelabuhan Kedah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya terutama dalam perdagangan bijih timah dan emas. Suasana politik Kedah pada ketika itu juga mempengaruhi kedatangan para pedagang ke sana. Hubungan baik yang dijalinan oleh Inggeris pada ketika itu membolehkan sultan Kedah dan putera mahkota Kedah memberikan kebenaran buat mereka untuk menjalankan aktiviti perdagangan di negeri ini. Hasil bumi Kedah yang dicatatkan oleh Bowrey yang merupakan keistimewaan Queda, antaranya termasuklah buah-buahan seperti limau, durian, mangga dan nanas. Haiwan ternakan serta binatang liar juga menjadi tumpuan orang Barat yang datang ke Kedah ketika itu seperti yang dicatatkan Bowrey:

*They have Severall Sorts of very good fruits in the country vizt. Limes, Lemons, Duryans, Mangoes and Pines Apples of which...they have in great abundance more than in any other Countrey that ever I was in...all sort of Provision...in plenty enough vizt. cocksand henns, Cows, buffoloes, wild hogge...great plenty of fish Especially neare the Sea) .... (Bowrey, 1903: 278–279).*

Bowrey juga menyebut tentang jumlah kapal dagang dan perahu besar yang datang ke Kedah untuk berdagang. Sekalipun dalam jumlah yang tidak besar, tetapi hubungan politik yang terjalin antara Kedah dengan Inggeris menyebabkan jaringan perdagangan dikekalkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Penjelasan Bowrey tentang kapal dagang asing yang datang berdagang di Kedah dapat diperhatikan seperti yang berikut:

*There are not above 4 or 5 Ships and Vessels per annum from Suratt, Choromandell and Bengala that Use this Country, with 5 or 6 great Prows yearly from Borneo*

*and about 30 or 40 Prows they have belonge to Queda that constantly trade to Bangaree, Janselone and Pera, some few to Achin* (Bowrey, 1903:282–283)

Kemakmuran hasil bumi, strategi hubungan diplomatik yang baik, kedudukan serta bentuk muka bumi negeri Kedah pada ketika itu menjadi ramuan jaringan urus niaga yang baik, tidak hanya dengan British tetapi juga dengan negeri-negeri Timur yang lain. Aceh atau Achin misalnya, antara negeri yang akrab dengan Kedah dalam urusan perdagangan. Achin digambarkan Bowrey sebagai sebuah negeri yang menjadi pusat kepada semua negeri di alam Melayu. Bowrey menulis:

*... Achin is the Metropolitan of the Whole, a very pleasant and healthy place, very populous, famous...as alsoe their good laws and government and the great Traffick and Commerce from most parts of India, China, and South Seas.* (Bowrey, 1903: 285–286)

Selain menjadi negeri pusat bagi rantau alam Melayu, Achin dijelaskan oleh Bowrey menerima jumlah pedagang asing yang besar jumlahnya. Kedudukan geografi Achin, kemakmuran hasil bumi dan situasi politik dalaman negeri itu turut menjadi penyumbang utama kepada kehadiran pedagang dari pelbagai negara pada setiap musim. Bowrey menyebut:

*Many ships and Vessels doe att all Seasons of the yeare arrive in this Port from Severall places, namely Suratt, Malabar Coast or Coast of India, Fort St. Georg's, Metchlipatam, Bengala, Pegu, Syam, China, Jawa Major and Borneo with infinite Numbers of Prows from the Malay Shore and West Coast of this Island Sumatra.* (Bowrey, 1903:288–289)

Kedatangan pedagang asing dari pelbagai negara ini tidak hanya memberikan manfaat dan meninggalkan kesan dari segi ekonomi tetapi juga dengan jelas mempengaruhi sosiobudaya penduduk di Achin, dan tidak terkecuali di Queda. Satu perkara yang dapat diperhatikan daripada petikan catatan Bowrey tentang Queda dan Achin ini ialah peralatan yang digunakan dalam pelayaran oleh negeri-negeri di Timur ini. Walaupun Bowrey tidak mencatatkan bentuk kapal mahupun perahu besar milik Kedah dan Aceh, tetapi dia ada membuat lakaran *prow* (perahu) besar yang digunakan ketika peperangan dan kegunaan ketika berdagang. Rajah 5 menunjukkan contoh *prow* (perahu) perang yang tidak hanya memuatkan tentera tetapi juga gajah selain senjata api dan barang keperluan lain.




**Rajah 5** *Menn of warre prows.*

(Sumber: Mss Eur D782 *Thomas Bowrey Papers* (c. 1669-1679), British Library: London).

Rajah 6 menunjukkan beberapa jenis perahu dengan pelbagai saiz yang digunakan di negeri Pattana di Kepulauan Bengal. Perahu dengan nama Patella (dalam kurungan merah), misalnya, digunakan untuk mengangkut komoditi dari Pattana ke England (Bowrey, 1903:229).

Walaupun Bowrey tidak memerikan secara jelas dalam bentuk lakaran berkenaan dengan rupa *prows* yang digunakan di Achin dan Queda, namun dapat difahami



**Rajah 6** *A Patella*.

(Sumber: Mss Eur D782 *Thomas Bowrey Papers* (c. 1669-1679), British Library: London).

secara tidak langsung ukuran *pro* besar yang dimaksudkan Bowrey berdasarkan *pro* yang digunakan oleh pedagang dari negara Timur yang lain. Hal ini juga berarti pengaruh yang terdapat pada binaan atau istilah yang mewakili peralatan pelayaran tersebut boleh dikesan daripada kata yang dicatatkan Bowrey, sama ada dalam manuskrip projek bahasanya yang kemudian disusun menjadi kamus, dan juga daripada manuskripnya tentang negeri-negeri yang pernah dilawatnya di Timur.

**DARI *QUEDA* KE *ACHIN*; DENGAN *PROW* BERPANDU *PUDDŌMAWN*.**

Istilah kelengkapan dan peralatan pelayaran yang dirakamkan oleh Bowrey antaranya termasuklah Cāpal “*a Ship*”, Goorack “*a Gally*”, Prow “*Boats*”, Raġit “*a Float, Raft*” dan Sampan “*a Boat, ships Boat*”. Walau bagaimanapun, hanya kata *prow* dan sampan yang dibincangkan dalam makalah ini. Hal ini kerana kedua-dua kata ini merupakan kata yang banyak dicatatkan dalam manuskrip Bowrey serta mempunyai bentuk dan makna yang jelas untuk dibincangkan dengan lanjut. Kata *prow*, mempunyai beberapa bentuk yang tercatat dalam karya Bowrey, misalnya *Prow* (1701) dan *Prau/Prows* (1903). Perbandingan kata ini daripada beberapa sumber dibuat bagi melihat perbezaan makna dan huraian yang berkemungkinan berlaku. *Prow* dalam Hobson-Jobson dijelaskan sebagai kata yang mempunyai dua asal usul dalam penggunaan oleh orang Eropah, iaitu yang merujuk kata *pūru* “*a boat*” daripada bahasa Malayalam dan kedua yang merujuk kata pulau (*island*) seperti kebiasaan yang terdapat dalam masyarakat Melayu, Jawa dan kebanyakan bahasa dalam kepulauan ini, iaitu *prāū* atau *prāhū*. Hobson-Jobson dengan lanjut menjelaskan bahawa kata ini pada kebanyakan keadaan merujuk bentuk gali yang unik, iaitu “*Malay Prow*”. Menurut Wilkinson (1926), kata perahu ini berasal daripada kata *padao* atau *parao* yang digunakan di Pantai Malabar dan berbeza daripada kapal dek yang kebiasaannya digunakan oleh pedagang pada ketika itu. Kata sampan, gurap dan rakit misalnya merupakan pengangkutan yang digunakan di kawasan perairan yang lebih cetek dan kebiasaannya di kawasan pedalaman. Pada bahagian *Dialogues* dalam kamus Thomas Bowrey (KTB), iaitu pada dialog kelapan, Bowrey menceritakan tentang pelayaran ke Persia, seperti yang juga dibincangkan oleh Winterbottom (2016).

Kata sampan ditandai oleh Bowrey di dalam kamusnya dengan makna “*a Boat, ship Boat*”. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KDE4) (2007:1381), sampan didefinisikan sebagai “*sj perahu kecil*”. SEALang Project pula mencatatkan makna sampan sebagai “*shoe-boat; boat for harbour use*” dan kata sampan ini muncul sebanyak 321 kali dalam *Malay Concordance Project* (MCP) dengan catatan terbanyak dikesan dalam *Tuhfat al-Nafis* sebanyak 56 kali. Malah Pierre-Yves Manguin (dlm. Anthony Reid, 2012:149) menyebut rujukan terawal dalam bahasa Melayu berkenaan dengan kapal yang digunakan oleh orang Melayu dapat dikesan pada catatan prasasti Kedukan Bukit tentang sang raja yang menggunakannya ketika mengepalai bala tentera ketika merayakan acara penting waktu itu. Namun begitu, bentuk yang dicatatkan adalah berbeza, iaitu *sāmvau* tetapi makna yang didukung adalah sama dengan bentuk dalam bahasa Melayu moden. Daripada semua bentuk dan makna yang disajikan bagi kata sampan ini, dapat disimpulkan bahawa istilah sampan yang terdapat dalam kamus Bowrey adalah



sama dengan catatan sezaman dengannya dan juga bentuk moden yang digunakan kini.

Selain medium pengangkutan yang digunakan dalam pelayaran, istilah yang berkaitan dengan bahagian badan kapal juga dicatatkan oleh Bowrey seperti Booritan “*the Hinder-part, the Stern*” dan Tambērang “*the Side of a ship, Waft-cloths of a ship*”. Kata *Booritan* dalam KDE4 dicatatkan dengan bentuk buritan dengan maksud “1. bahagian belakang perahu (bot, kapal dsb); 2. bahagian belakang binatang spt lipas” (2007:225). Dalam catatan yang lebih lama, kata buritan ini dikesan muncul dalam *Syair Sultan Maulana* (1825, dlm C. Skinner, 1985) sebanyak empat kali penggunaan. Buritan ini juga dicatatkan oleh Wilkinson sebagai “*posterior, stern*” (SEALang Project, dalam talian). Jika diperhatikan, yang membezakan catatan oleh Bowrey dan rujukan yang lain ialah bentuk kata buritan itu sendiri. Bowrey menulis kata ini dengan dua {o}, iaitu *Booritan*, manakala dalam bentuk bahasa Melayu Moden (BMM) dan catatan dalam SEALang Project persamaan, iaitu buritan. Walaupun makna yang diberikan KDE4 menunjukkan tambahan makna kedua, namun makna utama bagi kata ini konsisten sama dengan yang dicatatkan oleh Bowrey. Begitu juga dengan kata Tambērang “*the Side of a ship, Waft-cloths of a ship*”, dari segi bentuk, kata ini dieja berbeza oleh Bowrey berbanding KDE4 yang mencatatkannya sebagai temberang “(tembērang) tali-temali di kapal (perahu) utk meneguhkan tiang;” (2007:1640). Vokal a pada suku kata pertama kata ini dalam kamus Bowrey dieja dengan e dalam KDE4. Hal ini dikesan sama dengan yang terdapat dalam rekod SEALang Project, iaitu tēمبرang “*1 Stays; standing rigging of a boat*”. Dalam rekod catatan lama juga menunjukkan kata ini dieja dengan bentuk yang sama misalnya yang dikesan dalam *Pelayaran Abdullah ke Kelantan*, iaitu sebanyak enam kali penggunaan (MCP, dalam talian). Dengan kenyataan bahawa Bowrey menyusun kamus dan segala projek bahasanya dengan dasar dan pengaruh bahasa ibundanya, iaitu bahasa Inggeris, maka dapat difahami bahawa kata *Booritan* dan *Tambērang* ini dieja dengan pengaruh sebutan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun harus diakui bahawa makna yang dicatatkan dalam kesemua rujukan ini adalah sama, walaupun dalam catatan bahasa Melayu moden terdapat peluasan makna.

Aspek pelayaran tidak dapat lari daripada penggunaan alat navigasi. Alat navigasi ini telah digunakan sejak zaman bahari lagi dalam tradisi pelayaran masyarakat Melayu yang menggunakan panduan daripada unsur alam untuk memandu arah ketika di lautan dengan merujuk dua jenis navigasi yang sering digunakan, iaitu navigasi angin dan cakerawala (Mohamed Nazreen *et al.*, 2017). Nazilah dan Nor Hashimah (2017) turut membincangkan aspek kata yang berkaitan dengan navigasi, iaitu kata daripada ranah astronomi dan geografi dalam makalah mereka. Alat penunjuk arah angin turut dirakamkan Bowrey, iaitu kata Puddōmawn “*a Sea*

**Jadual 1** Perbandingan istilah alat arah angin dalam KTB dan BMM.

<b>Kata KTB</b>	<b>Makna KTB</b>	<b>Kata Setara</b>	<b>Makna Setara</b>
Puddōmawn	<i>a Sea compafs</i>	pedoman	1. sj alat berupa jam yg menunjukkan arah (mata angin), kompas;
Tooñgal	<i>a Vain, a Weathercock</i>	tunggal	1Angin këlambu mënunggal: strong North wind with rain.
Pangāpar	<i>a Weather-cock</i>	-	-

anġin “*a Vain, a Weathercock*” dan Pangāpar “*a Weather-cock*”. Jadual 1 menunjukkan perbandingan kesemua kata ini dengan kata setara dalam BMM.

Dalam Jadual 1, dua kata yang dirakamkan Bowrey mempunyai kata setara dalam BMM, iaitu kata “Puddōmawn” seperti yang tercatat dalam KDE4 (2007: 1158). Perbincangan tentang kata pedoman yang merupakan penunjuk arah angin ini turut dibincangkan oleh Collins (2018:154) mengenai etiologi kata ini yang merupakan kata daripada bahasa Jawa. Kata setara bagi kata “Tooñgal” pula dicatatkan oleh Wilkinson dalam kamusnya (1932:37908). Hanya kata “Pangāpar” yang tidak mempunyai kata setara dalam BMM namun dicatatkan sebagai istilah yang digunakan untuk penunjuk arah angin dalam KTB.

Bagi kategori jawatan dan tugas dalam pelayaran, terdapat beberapa istilah yang menarik untuk dibincangkan seperti dalam Jadual 2. Ōran roompak yang diberi makna “*a Pirat*” merupakan istilah bagi kata lanun dalam bahasa Melayu moden, manakala kata “Juree bātoo” ialah *Boatfwain*, iaitu orang laut yang bertugas meramalkan sifat angin dan perubahannya serta mengetahui jalur arus pada musim yang tersebut. KDE4 (2007:645) memerikan kata jurubatu ini sebagai “anak buah perahu yg tugasnya mengukur dalamnya laut”. Bowrey memberikan contoh penggunaan kata ini pada bahagian perbualan dalam kamusnya, iaitu pada bahagian Tootoorawn ēang ca ja dēlāpan:

**Jadual 2** Istilah jawatan bidang pelayaran dalam kamus Thomas Bowrey.

<b>Kata KTB</b>	<b>Makna KTB</b>	<b>Kata SETARA</b>
Ōran roompak	<i>a Pirat</i>	Lanun
Juree moodee	<i>ftear-man</i>	Jurumudi
Juree bātoo	<i>Boatfwain</i>	Jurubatu
Juree lōga	<i>Leads man</i>	-

... **juree bātoo** poonea sātoo loṽas dunḡan nātang, pada fanca ko dea maoo bree sēwa carna dea ōran kikir.

... the **boatfwain** has a large one with a scuttle for light, I believe he will lett it, for he is covetuous

**Jurubatu** punya satu luas dengan natang, pada sangka ku dia mau beri sewa kerana dia orang kikir.

Dalam contoh ayat di atas, “juree bātoo” yang dimaksudkan Bowrey merujuk istilah yang sama dalam bahasa Melayu moden, iaitu jurubatu yang bertugas mengukur kedalaman laut.

## KESIMPULAN

Catatan yang dibuat oleh Bowrey daripada dua sumber rujukan utama penulis bagi makalah ini menunjukkan bahawa kosa kata pelayaran dengan jelas memberi maklumat tentang suasana sosial masyarakat Melayu pada abad ke-17. Pengaruh daripada bahasa asing seperti bahasa Malayalam, misalnya, turut mencorakkan bentuk penggunaan istilah bagi peralatan dalam pelayaran. Kedatangan pedagang asing dari pelbagai pelosok dan ceruk dunia telah mencorakkan rantau alam Melayu dalam banyak aspek yang dapat dilihat bukan hanya pada ekonomi dan politik tetapi juga sosiobudaya masyarakat. Dalam makalah ini, pengaruh tersebut dapat dilihat pada aspek pelayaran masyarakat Melayu. Walaupun masyarakat Melayu mempunyai kemahiran, peristilahan sendiri dan kelebihan sendiri dalam bidang ini, namun tidak dapat tidak, kemajuan yang dibawa oleh orang asing pada ketika itu mempengaruhi kemajuan dan perkembangan bidang pelayaran bangsa Melayu. Perkembangan tersebut secara tidak langsung turut memberi tempas kepada perkembangan bahasa Melayu pada abad ke-17.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas bantuan profesional daripada British Library, London Metropolitan Archives dan The Quaker House London.

## RUJUKAN

- Bowrey, T. *Thomas Bowrey Papers*. Manuskrip. Mss Eur D782. 1669–1679, British Library, India Office Records and Private Papers.
- Bowrey, T. (1701). *A dictionary English and Malayo, Malayo and English*. Sam Bridge.
- Bowrey, T. (1903). *A geographical account of countries round the bay of Bengal, 1669 to 1679*. The Hakluyt Society.
- Collins, J.T. (2003). *Mukadimah ilmu etimologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Collins, J.T. (2018). *Mukadimah ilmu etimologi* (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hobson-Jobson. (1886). *A glossary of anglo-Indian colloquial words and phrases and of kindred terms; etymological, historical, geographical and discursive*. Bradbury, Agnew & Co.
- Hyde, Thomas. *Correspondence and papers of Capt Thomas Bowrey*. Manuskrip. Mss Eur A33; E192: 1700–1709. British Library, India Office Records and Private Papers.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linehan, W. (1949). The earliest word-lists and dictionaries of the Malay language. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 22(1), 183–187.
- Malay Concordance Project*. (2021, September 19). Retrieved from Malay concordance project: <http://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>
- Manguin, P. (2012). 8. Lancaran, Ghurab and Ghali: Mediterranean impact on war vessels in early modern Southeast Asia. In G. Wade & L. Tana (Eds.), *Anthony Reid and the study of the Southeast Asian past* (pp. 146–182). ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789814311977-010>
- Mashudi Kader. (2009). Some aspect of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's bilingual dictionary published in 1701. *Jurnal Kemanusiaan*, 16, 83–114.
- Mohamed Nazreen, Rahimah A. Hamid & Md. Salleh Yaapar. (2017). Kearifan tempatan dalam dunia pelayaran Nusantara: Mendalami fiksiyena Arena Wati. Dlm. *Akal Budi Melayu dalam Bahasa dan Sastra Modern*. Universiti Sains Malaysia.
- Nazilah Mohamad & Nor Hashimah Ismail. (2017). Malay science: A study on the 17th century dictionary. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1061–1071.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. (2019). Tabii tanda bahasa dari kaca mata Sheikh Ahmad al-Fathani: Suatu gagasan pemikiran. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 59–76.
- Nor Azizah Othman. (2019). Analisis entri “A” kamus Thomas Bowrey 1701. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 259–284.
- Rahim Aman. (1997). Bahasa Melayu abad ke-17: Satu sorotan terhadap kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, 14(10), 882–889.
- Rahim Aman. (1998). Orang Melayu abad ke-17: Kajian lanjutan kosa kata arkaik, morfologi dan perubahan makna kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, (1), 1022–1033.
- SEALANG PROJECTS*. (2021, July 10). Retrieved from SEALang Library Malay: <http://sealang.net>
- Temple, R.C. (1949). Captain Thomas bowrey. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, Oktober, 1060–1062.
- The Austronesian Comparative Dictionary (web edition)*. (2021, September 19). Retrieved from The Austronesian Comparative Dictionary (web edition). <https://www.trussel2.com/acd/>
- Wilkinson, R.C. (1926). *An abridged Malay-English dictionary (3<sup>rd</sup> Ed.)*. Kelly & Walsh.
- Winterbottom A. (2016). Linguistic landscapes: Early English studies of Malay and the EIC in maritime Southeast Asia. In *Hybrid knowledge in the early East India company world*. Cambridge imperial and post-colonial studies series. Palgrave Macmillan.